

TANYA JAWAB



Cikgu Nur Fadzila Binte Abdul Kadir, Sekolah Rendah Jurong menyatakan bahawa pembelajaran dan pelestarian bahasa, budaya, sastera dan sejarah sangat penting dalam membina jati diri bangsa. Bahasa menunjukkan bangsa. Apakah nasihat Profesor kepada guru bahasa Melayu dan pengguna bahasa Melayu dalam hal ini?

Semalam, saya diberikan informasi hanya 60 peratus keluarga Melayu menggunakan bahasa Melayu, dan 40 peratus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Di Singapura, pengajaran bahasa ibunda yang baik tidak akan menjadi berkesan kerana tiada sambungan penggunaannya di rumah. Kerja keras guru harus dilanjutkan atau disambung penggunaannya di rumah. Apakah setiap maksud anak Melayu dapat diungkapkan dalam bahasa Inggris? Inilah yang menjadi dilema antara bahasa global dan bahasa yang menjadi jati diri bangsa. Masa awal usia (antara 6 hingga 7) semasa kanak-kanak penting bagi mereka untuk membentuk sahsiah seorang anak. Setelah meningkat remaja agak payah untuk menggalakkan mereka bertutur bahasa Ibunda. Pemahaman dan pengertian masyarakat perlu diperkuat.

Encik Mohamed Noh Daipi, Pusat Bahasa Melayu Singapura bertanyakan dalam konteks pengajaran bahasa Jepun, bagaimanakah keseimbangan pembelajaran bahasa tersebut dilakukan berbanding dengan bahasa asing?

Pembinaan sahsiah amat penting. Cerita rakyat boleh digunakan untuk menyemai nilai-nilai kebudayaan atau etnik. Bahan-bahan pengajaran yang digunakan amat penting. Pantun dan aspek-aspek budaya Melayu perlu digunakan.

Cikgu Ishak Latiff, Maktab Rendah Tampines mengatakan negara Jepun terkenal sebagai negara yang terbuka dalam bidang perindustrian, perusahaan dan teknologi. Malah sering dijadikan contoh sebagai negara yang maju walaupun menggunakan bahasa ibundanya sendiri. Tetapi bahasa Inggeris telah mula diajarkan di sekolah-sekolah dasar sejak tahun 2011. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat dan bahasa Jepun pada masa depan? Bagaimanakah masyarakat dan pemerintah Jepun akan menghuraikan cabaran itu?

Bahasa Inggris tidak diajarkan di sekolah dasar atau rendah. Bahasa Inggris hanya diperkenalkan sahaja tetapi tidak diwajibkan. Penilaian bahasa Inggris belum masuk kurikulum. Banyak suara di Jepun yang tidak mahu bahasa Inggris dimasukkan ke dalam kurikulum. Apa salahnya jika orang Jepun tidak tahu bahasa Inggris. Bagi yang bekerja di dalam negeri, tidak tahu menulis dan bertutur dengan baik dalam bahasa Jepun payah untuk dinaikkan pangkat. Bahasa asing hanya memaparkan nilai orang lain bukan orang Jepun. Yang mementingkan bahasa Inggris disifatkan sebagai kebarat-baratan. Namun perlu ada keseimbangan penggunaan dan peperuturan bahasa asing dan bahasa Jepun.

Sekarang ini terdapat orang-orang Muslim di negara Jepun. Satu trend yang baharu, sekarang ini ada musolah dan masjid dibina. Muslimah yang memakai tudung. Mereka dipandang sebagai orang asing tetapi dianggap sebagai bukan orang Barat.

Banyak permintaan dari orang Jepun yang meminta penjelasan tentang apakah itu Islam dan orang Muslim. Orang Jepun mahu tahu tentang orang Muslim.

Siti Razkiah, Maktab Rendah Pioneer bertanya bolehkah Profesor berkongsi motivasi yang memandu Profesor mempelajari bahasa Melayu/Indonesia. Apakah perbezaan budaya pembelajaran di Jepun dan negara-negara yang telah Profesor kunjungi.

Pada mulanya saya ingin menjadi seorang ahli perniagaan. Ayah seorang pegawai negeri dan ibu pula bekerja sebagai penjahit kimono. Saya masih mempunyai kampung halaman. Saya mahu keluar kampung, dan langsung keluar ke Osaka, Indonesia, Singapura, Australia, Belanda. Semakin saya melihat negara-negara lain cita-cita mahu jadi ahli perniagaan semakin pudar, malah timbul kesedaran untuk menjadikan hidup agar lebih bermanfaat untuk orang lain.

Mengapakah saya terdorong belajar bahasa Sunda?

Saya diminta Profesor saya untuk mencari sesuatu yang belum ditempuh oleh orang lain. Saya memilih jalan yang sepi, jalan yang tidak mudah ditempuh. Di situlah banyak yang boleh dipelajari. Daerah Sunda menjadi pilihan. Sastera Sunda sudah wujud sejak beratus tahun yang lalu. Orang Sunda pernah dijajah Mataram. Rasa rendah diri kerana pernah dijajah kerajaan Mataram mahu saya kaji.

Perbedaan metode pembelajaran di Jepun berlainan kerana bahasa Jepun mempunyai ciri khas. Penegasannya bukan pada bunyinya. Orang Jepun sulit mendengar bunyi yang lain. Orang Jepun belajar melalui mata. Sejak kecil lagi mata digunakan untuk mempelajari sesuatu. Kerana itu bahasa Cina dan Jepun dapat berinteraksi. Boleh berkomunikasi. Belajar mengeja dahulu kemudian baru difahami.

Cikgu Abdollah Lamat, guru persara dan guru adjung, Sekolah Rendah Naval Base bertanya apakah permasalahan yang Profesor hadapi semasa mempelajari bahasa Melayu. Bagaimana Profesor mengatasi masalah ini?

Bahasa Jepun dan bahasa Melayu ada persamaan. Sintaksisnya tidak sama. Tetapi ujaran dan intonasinya hampir sama. Tetapi urutannya berbeza. Penutur Jepun tidak kenal 'R' dan 'L'. 'N' dan 'MJ', 'U'dan 'Er'. Konsonan dan vokal dalam bahasa Jepun sangat minimum. Orang Jepun menghadapi kesulitan menyebut konsonan dan vokal. Hurufnya pula sangat banyak. Orang Jepun menghadapi kesulitan mendengar bunyi. Saya hanya dapat menjelaskan secara teori. Dalam tatabahasa setiap bahasa tidak mudah dipelajari.

Dalam penulisan, bahasa apa pun sama amat sulit. Namun, budaya Jepun dan Melayu banyak persamaan. Budaya Jepun dan Melayu tidak suka pada kekasaran. Cara makan yang sopan, kedua-dua budaya mempunyai akar yang sama. Saya mempunyai ramai teman orang Melayu.

PROFESOR DR MIKIHIRO MORIYAMA





